

14/08/1997

Perkongsian Malaysia-Bosnia strategik

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia menyifatkan perkongsian dengan Bosnia-Herzegovina sebagai strategik dan akan memastikan pembabitan ahli perniagaan dan modalnya di negara Balkan itu.

Menurut pengerusi bersama Majlis Menteri Bosnia-Herzegovina, Haris Silajdzic, perkara ini diberitahu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila mengunjungi beliau dan seorang lagi pengerusi bersama majlis, Boro Botic, di sini hari ini.

"Dr Mahathir berkata beliau sendiri akan memastikan ahli perniagaan dan modal Malaysia terbabit di Bosnia-Herzegovina," kata Silajdzic pada persidangan akhbar di akhir lawatan lima harinya ke Malaysia.

Silajdzic berkata beliau dan Botic mengambil kesempatan itu untuk meminta Dr Mahathir mempermudah peraturan mengenai jaminan aktiviti perniagaan Malaysia di sana.

Silajdzic berkata, mesej yang hendak disampaikan ialah perniagaan di Bosnia-Herzegovina adalah selamat dan keadaan di negaranya berlainan jika dibandingkan beberapa tahun lalu.

Beliau berkata, negaranya mempunyai tenaga pekerja yang cukup mahir di samping kelebihan dari segi teknologi dalam beberapa bidang dan boleh menjadi `jambatan' ke beberapa kawasan di Eropah. - Bernama

(END)